

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2018

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang dipungut hasil daripada operasi lesen judi yang telah diberikan di seluruh negara serta senarai syarikat judi yang telah membayar cukai daripada tahun 2013 sehingga 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai perjudian dan duti pertaruhan yang dipungut daripada operasi lesen judi di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga tahun 2017 berjumlah RM12.74 billion. Antara syarikat yang menyumbang kepada pungutan ini

adalah Genting Malaysia Berhad, Sports Toto Malaysia Sdn Bhd, Magnum Corporation Sdn Bhd, Pan Malaysian Pools Sdn Bhd, Sarawak Turf Club, Sandakan Turf Club, Dirivan Corporation Sdn Bhd, Lembaga Totalisator Malaysia dan Pan Malaysian Sweeps Sdn Bhd.